

Anugerah khas BH - untuk 13/5/2004: 2 Pak Lah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menerima 'Anugerah Khas - Bapa Pembangunan Belia' sempena Hari Belia Negara 2004 yang disambut Sabtu ini.

Ia adalah sebagai tanda penghargaan terhadap komitmen dan pembabitan Perdana Menteri sebagai pemimpin belia sejak usia mudanya sehinggalah sekarang.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said, berkata pembabitan Abdullah dalam kegiatan belia begitu banyak dan beliau juga bertanggungjawab mewujudkan beberapa persatuan belia seperti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Majlis Perundingan Belia.

"Pada usia muda Perdana Menteri pernah menjadi Pengarah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu pada 1971 dan pada 1974 sebagai Timbalan Ketua Setiausaha kementerian sama.

"Beliau juga bertanggungjawab mewujudkan konsep budaya perundingan dengan generasi belia. Walaupun sudah tidak lagi menjadi pegawai kerajaan dan meninggalkan kementerian ini, beliau tetap proaktif dan prihatin terhadap pembangunan belia," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bagi mengumumkan sambutan Hari Belia Negara 2004 selepas mesyuarat pasca Kabinet di kementeriannya, semalam.

Azalina berkata, tema sambutan Hari Belia tahun ini ialah 'Belia Cemerlang, Bangsa Gemilang, Negara Terbilang' iaitu selari dengan hasrat negara yang mahu membina sebuah masyarakat segar, aktif dan dinamik